

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

**PDP 417 - Kaedah Mengajar Sejarah I**

Masa: [ 3 jam ]

---

Angka Giliran: -----  
(Dengan Huruf) (Dengan Angka)

Arahan :

Kertas soalan ini mengandungi **DUA** bahagian, iaitu **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A** [40 markah]

Jawab **KESEMUA** soalan dengan ringkas dan padat dalam ruang yang disediakan. Kertas soalan bahagian ini yang akan dikutip di akhir peperiksaan.

**BAHAGIAN B** [60 markah]

Jawab **DUA (2)** soalan iaitu Soalan No. 2 yang **DIWAJIBKAN** dan **SATU** soalan lain.

....2/-

Angka Giliran: -----

(Dengan Huruf)

-----

(Dengan Angka)

**BAHAGIAN A**

[40 markah]

1. (a) Apakah matlamat-matlamat pendidikan sejarah KBSM?

(b) Mengikut Krug: “Sejarah ialah pembinaan semula masa lampau secara imaginatif, tidak menyeleweng serta saintifik perkaedahannya, tetapi penuh seni pada kesimpulannya...”

[ Inggerisnya: “*History is the imaginative reconstruction of the past which is scrupulous and scientific in method, but artistic in its conclusions...” ]*

Jelaskan maksud “penuh seni pada kesimpulannya” (Inggeris: *artistic in its conclusions*)

....3/-

Angka Giliran: -----

(Dengan Huruf)

-----

(Dengan Angka)

- (c) Apakah maksud “bahasa merentasi kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah?”

- (d) Bilakah pendidik sejarah “diizinkan” menjalankan proses indoktrinasi?

....4/-

Angka Giliran: -----  
(Dengan Huruf)

-----  
(Dengan Angka)

(e) Apakah yang dimaksudkan dengan:

(i) Pelajaran yang bercorak integratif

(ii) Pelajaran yang bercorak dominatif

(f) Apakah yang anda faham dengan ungkapan “Isi Sejarah *as a means to an end?*”

....5/-

Angka Giliran: -----

(Dengan Huruf)

-----

(Dengan Angka)

- (g) Mengapakah kaedah inkuiri dikatakan paling sesuai sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah?

- (h) Jelaskan langkah-langkah pelaksanaan perbincangan terarah (*directed discussion*).

....6/-

Angka Giliran: -----

(Dengan Huruf)

-----

(Dengan Angka)

- (i) Senaraikan 4 (empat) strategi pengajaran-pemelajaran Sejarah yang dapat memupuk empati (*empathy*). Beri penerangan ringkas untuk tiap-tiap satunya.

- (j) Beri 4 (empat) contoh soalan yang boleh ditanyakan oleh guru Sejarah untuk memupuk minda pelajar-pelajarnya.

(40 markah)

....7/-

**BAHAGIAN B** [60 markah]

Jawab **DUA (2)** soalan. Soalan No. 2 **DIWAJIBKAN** dan **SATU** soalan lain. Jawapan anda hendaklah disokong dengan contoh-contoh yang jelas.

Asingkan jawapan anda itu.

**PENTING:** Jawapan anda hendaklah disokong dengan contoh-contoh yang jelas.

2. Apakah yang anda faham dengan “kaedah yang berpusatkan pelajar”?

Pilih satu kaedah pengajaran-pemelajaran sejarah yang berpusatkan pelajar dan terangkan dengan jelas langkah-langkah pelaksanaannya. (Tidak perlu menggunakan format rancangan pelajaran yang lengkap).

(30 markah)

3. “Bagaimana kanak-kanak diajar adalah sama penting dengan apa yang diajarkan kepada mereka” (Fenton: 1967).

Apakah implikasinya pernyataan di atas terhadap tugas pendidik sejarah dalam usahanya memenuhi tuntutan pedagogi KBSM?

(30 markah)

4. “Semua sejarah adalah sejarah pemikiran”. (Collingwood: 1993)

(a) Jelaskan maksud kata-kata Collingwood itu.

(b) Bincangkan implikasinya terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pemelajaran sejarah.

(30 markah)

--- oooooOOOoooo ---